



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA TERIMA PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA DI PHAM 2025 MELALUI PELAN TINDAKAN KESIHATAN BUMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 8 Oktober 2025 – Malaysia pada Selasa (7 Oktober 2025) menerima pengiktirafan antarabangsa sempena Sidang Kemuncak Kesihatan Planet (PHAM) 2025 di Rotterdam menerusi Pelan Tindakan Kesihatan Bumi Negara (PTKBN) yang bakal diperkenalkan. PHAM merupakan persidangan tahunan anjuran *Planetary Health Alliance*.

Pengiktirafan ini meletakkan Malaysia dalam kalangan negara yang disegani atas pendekatan progresif berasaskan sains bagi melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar. Ia sekali gus mencerminkan keyakinan kukuh di peringkat antarabangsa terhadap komitmen Malaysia dalam agenda kesihatan bumi serta menonjolkan pendirian proaktif negara dalam isu ini.

PTKBN yang dimandatkan pada tahun 2022 oleh Majlis Sains Negara melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), telah dibangunkan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) dan berfungsi sebagai pelan hala tuju negara untuk menyelaraskan pembangunan dalam lingkungan sempadan planet. Ia merupakan rangka kerja pendekatan keseluruhan negara yang dibangunkan dengan input daripada komuniti saintifik, pembuat dasar, masyarakat sivil, belia dan pihak industri.

Pengiktirafan berkenaan telah disampaikan oleh Pengarah Fakulti *Planetary Health Alliance*, Profesor Dr Samuel Myers kepada Pengerusi PTKBN, Academician Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc, yang turut diiringi Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Puan Hazami Habib serta Pengerusi Tonggak PTKBN bagi Nilai Murni, Anjakan Budaya, Komunikasi dan Perubahan Tingkah Laku, Profesor Tan Sri Dr Jemilah Mahmood.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang pada video prarakaman khas yang ditayangkan di PHAM 2025 berkata, "Pengiktirafan ini menguatkan tekad Malaysia untuk bersama komuniti global dalam menjaga kesihatan manusia dan planet. Rangka tindakan ini yang berasaskan bukti, digubal untuk menyeimbangkan kesejahteraan manusia, kelestarian alam sekitar dan daya tahan ekonomi."

Sementara itu, Presiden ASM merangkap Penasihat STI kepada Perdana Menteri dan Negara, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc menambah, "Melalui PTKBN, bukti saintifik akan membimbing dasar-dasar negara yang akan meningkatkan kualiti hidup rakyat sekali gus melindungi alam semula jadi, dalam usaha untuk mewujudkan peluang ekonomi yang mampan dalam jangka masa panjang. Visi ini berhasrat untuk memastikan manfaat berterusan dengan memelihara sumber alam untuk generasi akan datang."

Pengarah Eksekutif *Planetary Health Alliance*, Dr Rachel Marcus menjelaskan, “PTKBN Malaysia yang bakal diperkenalkan mencerminkan langkah proaktif yang diperlukan untuk memacu kesihatan bumi di peringkat global. Kami berbangga menampilkan inisiatif Malaysia dan menjangkakan impak positifnya.”

PTKBN menggariskan hala tuju Malaysia ke arah kelestarian bumi dan masyarakat yang lebih sihat, berpaksikan enam Bidang Keberhasilan Utama, didorong oleh 53 strategi serta 222 pelan tindakan. PTKBN dijadual dilancarkan pada Forum Kesihatan Bumi Negara yang akan datang.

#TAMAT#

Diterbitkan oleh:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

8 Oktober 2025



Kit Media: [NPHAP @ PHAM 2025](#)

Pertanyaan media: Sekretariat PTKBN, Akademi Sains Malaysia

E-mel: planetaryhealth@akademisains.gov.my

No telefon: +603 6203 0633 ext 156/127/175/174/148